

Contoh Penulisan Jurnal Praktikum

Contoh Penulisan Jurnal

Isu: Murid-murid 4 Zamrud suka membuat bising dan berjalan sana sini semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

1.0 Pengenalan

Isu ini merupakan satu isu yang amat penting dan perlu dikaji untuk menjadi seorang guru yang berjaya. Hal ini disebabkan dengan kawalan kelas yang teratur, barulah murid-murid mempunyai satu persekitaran pembelajaran yang kondusif tanpa sebarang gangguan. Praktikum saya selama dua bulan bagi kali kedua telah ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Infant Jesus Convent. Saya telah diaturnya untuk mengajar dua kelas tahun 5 dan dua kelas tahun 4. Sebelum saya mengajar, saya telah membuat analisis tentang keputusan akademik mereka dalam mata pelajaran Sains dan tingkah laku mereka. Bagi darjah tahun 5, saya mendapati keputusan mereka berada di tahap baik. Manakala bagi darjah tahun 4, keputusan mereka pula berada di tahap sederhana. Dari segi tingkah laku pula, saya diberitahu bahawa tingkah laku mereka masih boleh tahan, cuma terdapat sesetengah mereka agak bising.

Melalui pemantauan saya pada minggu pertama pada kedua-dua kelas tersebut, saya mendapati murid-murid bagi kelas 4 Zamrud mempunyai masalah disiplin iaitu

mereka suka membuat bising, suka bercakap, suka berjalan sana sini dan tidak menumpukan perhatian semasa pengajaran guru. Kadangkala mereka akan bergaduh demi perkara yang kecil seperti mengambil pemadam kawan-kawan untuk kegunaan sekejap. Bagi situasi-situasi tersebut, saya terpaksa mengambil masa untuk menyelesaikan masalah tersebut sebelum pengajaran yang seterusnya dan akan mengganggu rancangan pengajaran saya. Jadi, isu-isu disiplin tersebut telah menyebabkan saya terpaksa berhenti mengajar kerana kebisingan sesetengah murid ini di dalam kelas telah mengganggu pengajaran sehingga murid-murid yang ingin belajar pun tidak dapat memberi perhatian kepada pengajaran saya. Saya percaya bahawa murid-murid ini masih kecil maka unsur kenakalan masih wujud di kalangan mereka. Walau bagaimanapun sifat kenakalan ini tidak boleh dibenarkan kerana akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran. Disebabkan saya menghadapi masalah dalam sistem kawalan kelas, maka saya pun mengambil keputusan untuk membuat isu tersebut bagi journal saya.

2.0 Kemungkinan penyebab

Menurut Harry K. Wong (1998) kebanyakan masalah tingkah laku disebabkan oleh guru itu sendiri.

“Most behavior problems in the classroom are caused by the teacher’s failure to teach students how to follow procedures.”

Guru-guru tersebut yang bersikap dengan tidak mempedulikan murid-murid yang bertingkah laku keterlaluan akan menyebabkan murid-murid tersebut menganggap bahawa guru telah takut akan mereka. Guru-guru yang sentiasa marah-marah akan anak-anak murid mereka juga merupakan salah satu faktor penyebab kerana murid-murid akan berasa guru ini langsung tidak mengambil berat dan menghormati akan

mereka. Maka, murid-murid pun tidak menghormati guru mereka dengan cara membuat bising, begaduh atau berjalan sana sini. Seterusnya, bahan pengajaran dan cara penyampaian pengajaran yang tidak menarik akan menyebabkan murid-murid berasa bosan untuk mengikuti pembelajaran tersebut. Murid-murid yang mempunyai keurangan motivasi dalam kalangan mereka juga merupakan salah satu penyebab kepada kegagalan kawalan dalam bilik darjah.

Daripada tinjauan awal yang telah saya lakukan melalui temu bual serta pemerhatian, beberapa dapatan telah dapat saya senaraikan:

- Murid-murid ini adalah dari kumpulan sederhana dan lemah.
- Murid-murid ini lemah dalam memahami bahasa Inggeris.
- Murid-murid ini kurang berminat dalam pembelajaran Sains
- Suara saya kurang jelas dan tidak didengari oleh mereka.

Disebabkan kelas adalah terdiri daripada murid-murid yang mempunyai tahap pembelajaran yang berlainan, maka terdapat murid yang dapat belajar dan faham dengan pantas. Bagi mereka yang lemah, mereka adalah lambat dalam belajar. Maka, bagi murid-murid yang lemah, mereka kurang berikan perhatian dan tidak minat dalam belajar Sains. Justeru, mereka akan berasa bosan dan mula bercakap. Jadi, tahap pembelajaran murid-murid juga merupakan salah satu punca berlakunya masalah disiplin di dalam kelas.

3.0 Kelemahan

Kegagalan dalam kawalan murid-murid tersebut iaitu kawalan kelas akan membawa kepada beberapa kelemahan. Ia akan menyebabkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran terjejas. Seterusnya, matlamat pengajaran dan hasil

pembelajaran juga sukar tercapai. Hal ini disebabkan dengan kegagalan kawalan kelas, guru-guru biasanya akan menghabiskan sebahagian masa mereka dalam mengawal murid mereka. Sebagai contoh, dalam masa 30 minit bagi satu masa Sains, guru telah menghabiskan 15 minit dalam mengawal murid-murid mereka, maka hanya tinggal 15 minit adalah agak susah untuk menghabiskan satu “ Learning outcome”. Jadi, adalah agak susah untuk mencapai matlamat dan hasil pembelajaran yang dirancang. Ia akan membawa kepada perkara yang agak serius sekiranya syllabus tidak dapat dihabiskan sebelum peperiksaan. Hal ini akan membawa juga kepada kemerosotan dalam peperiksaan kerana murid-murid terpaksa menduduki peperiksaan dengan tanpa penghabisan syllabus. Selain itu, .kegagalan kawalan kelas mungkin akan menjadi faktor murid-murid yang bertingkah laku baik menjadi tidak baik juga dengan mengikut tingkah laku kawan-kawan mereka.

4.0 Kekuatan

Sebaliknya, sekiranya seorang guru dapat mengawal murid-murid tersebut dengan baik, beberapa kekuatan akan diwujudkan. Matlamat pengajaran dan hasil pembelajaran akan lebih mudah tercapai kerana murid-murid menumpukan perhatian kepada apa yang telah guru mengajar. Masa tidak akan disia-siakan untuk menyelesaikan masalah yang tidak bermakna dan dapat digunakan dengan maksimum. Sementara itu, disiplin murid-murid dapat dipertingkatkan. Murid-murid akan menghormati segala arahan daripada guru dan tidak membuat sesuatu yang tidak disenangi oleh guru mereka. Oleh itu, suasana bilik darjah yang kondusif dapat diwujudkan untuk proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan berkesan.

5.0 Kesan/ akibat

Isu ini akan memberi kesan yang amat serius kepada pembelajaran Sains sekiranya guru tidak dapat mengawal kelas dengan berkesan. Murid-murid yang bising tidak dapat menumpukan perhatian kepada pengajaran dan pembelajaran. Pencapaian mereka dalam peperiksaan akan menjadi semakin merosot. Masalah disiplin akan semakin meningkat di kalangan mereka disebabkan oleh suasana pengikutan. Matlamat dan hasil pengajaran tidak dapat dicapai seperti yang dinyatakan di atas. Namun, segalanya dapat diatasi apabila guru mempunyai cara kawalan kelas yang baik. Dengan adanya kawalan kelas yang baik dan sempurna, aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih lancar dan berkesan. Murid-murid juga akan lebih berminat untuk belajar. Dan, murid-murid akan sentiasa mematuhi peraturan bilik darjah dan mengikuti arahan guru

6.0 Kajian Lampau

Untuk mengatasi masalah yang saya hadapi, saya telah merujuk kepada Model Disiplin Asertif Canter. Model Disiplin Marlene and Lee Canter adalah berasaskan ribuan jam penyelidikan dengan memerhati guru dalam bilik darjah. Model ini adalah suatu pendekatan yang positif yang membenarkan guru mengajar dan pelajar belajar. Ia berasaskan prinsip-prinsip bahawa guru dan pelajar mempunyai hak untuk mengajar dan belajar. Antara berikut ialah ciri-ciri model ini:

- i. Pelan yang berkesan hendaklah disediakan terlebih dahulu kemudian dimaklumkan kepada murid-murid pada hari pertama guru masuk kelas.
- ii. Tingkah laku yang wajar hendaklah diberikan pengukuhan.

- iii. Guru hendaklah bersifat asertif jika ingin mengawal bilik darjah.
- iv. Guru perlu merangka satu sistem ganjaran dan dendaan yang boleh dijadikan rujukan murid-murid mengenai tingkah laku yang baik dan buruk. Penalti diberikan kepada mereka yang terus melakukan salah laku.

Bagi cadangan Dorit Sasson, penyusunan tempat duduk dalam kelas adalah salah satu cara bagi mengawal dan mengurus kelas.

“Social dynamics is a big factor for rowdy behavior. Look at your seating chart. Disruptive students who have been sitting next to each other may now need to be separated. The minute you neutralize the social dynamics, it can be easier to teach.”

6.0 Cadangan

Setelah merujuk kepada Model Disiplin Asertif Canter, saya telah merangka beberapa cadangan atau langkah-langkah untuk mengatasi masalah pengurusan bilik darjah. Pertama sekali, saya akan membentuk satu peraturan bilik darjah yang jelas dan spesifik serta berkuatkuasanya sepanjang waktu Sains. Apabila terdapat murid-murid yang mewujudkan masalah disiplin, saya akan merujuk kepada system peraturan saya untuk member dendaan supaya bersifat adil dan saksama.

Keduanya, saya harus sentiasa bersifat asertif sepanjang masa terutamanya apabila terdapat murid-murid yang melanggar peraturan bilik darjah. Hal ini sangat penting kerana kunci kawalan disiplin pelajar adalah kekonsistenan penguatkuasaan peraturan dengan kesannya. Menurut Canter (2002), seseorang guru tidak boleh berkompromi dengan penguasaan peraturan dalam apa jua.

“Once you make a rule, you must enforce it-always. There are no exceptions to this requirement. It is mandatory. You can’t enforce the rule with one student-and let it go with another. You can’t call students on the rule one day and overlook it the next. Rules must be enforced with the consistency of the second hand one a clock.”

Seterusnya, saya akan memberi pengukuhan positif kepada murid-murid yang sentiasa mematuhi peraturan bilik darjah. Contoh pengukuhan positif ialah kata-kata pujian, token, dan sebagainya. Saya juga merancang satu sistem peneguhan, iaitu sistem pemberian markah secara berkumpulan. Markah akan diberi kepada setiap kumpulan sekiranya ahli-ahlinya mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Manakala markah kumpulan akan ditolak sekiranya terdapat salah satu ahli atau semua ahli melakukan kesalahan. Markah untuk setiap kali waktu Sains akan dicatatkan. Dan, kumpulan yang mempunyai markah tertinggi selepas 8 minggu akan diberikan hadiah.

Seterusnya, saya akan membahagikan tempat duduk mengikut kebolehan yang berbeza. Iaitu campuran murid yang pandai dan lemah. Saya akan tukarkan tempat duduk kumpulan yang berbuat bising dan agihkan merakaduduk di hadapan.

7.0 Tempoh Penyelesaian

Saya merancang agar menggunakan lapan minggu, iaitu dari 28 Jun 2010 hingga 20 Ogos 2010 untuk mengatasi atau menyelesaikan masalah pengurusan bilik darjah saya. Kejayaan pelaksanaan model disiplin Asertif Canter merujuk kepada **Pelan tindakan** yang dilaksanakan sepanjang praktikum telah dilampirkan.

8.0 Tindakan susulan:

Daripada pengalaman menggunakan Model Canter “assertive discipline”, guru yang asertif adalah lebih berkesan daripada seseorang guru yang tidak asertif atau garang. Kegarangan dan ketidakkonsistenan arahan guru yang menyebabkan kekeliruan dan trauma psikologi. Seorang guru asertif dapat mewujudkan iklim bilik darjah yang positif, penyayang dan produktif. Iklim ini yang dapat menghasilkan pembelajaran yang maksimum. Namun, saya tidak begitu asertif sepanjang waktu pengajaran saya. Hal ini adalah kerana saya menghadapi kesuntukan masa untuk menghabiskan pengajarannya. Kadang-kadang saya juga akan memarah murid-murid saya disebabkan kebisingan mereka. Jadi, saya berasa saya mesti mengubah sikap saya yang tidak sabar tersebut.

Selain itu, penggunaan sistem pemberian markah masih perlu dimantapkan lagi. Murid-murid akan mematuhi peraturan dan mendengar arahan saya setiap kali saya memulakan sistem pemberian markah untuk setiap kumpulan. Tetapi, keadaan ini hanya kekal untuk masa yang singkat sahaja. Murid-murid terus membuat bising apabila guru tidak lagi memfokuskan pada sistem pemberian markah. Hadiah yang dijanji akan dibagi kepada kumpulan yang mempunyai markah yang tertinggi selepas 8 minggu dapat memotivasikan murid-murid berusaha dalam aktiviti pengajaran dan

pembelajaran dan mematuhi peraturan bilik darjah. Tetapi, tempoh masa pemberian hadiah itu terlalu panjang untuk murid-murid. Sesetengah murid enggan berusaha lagi kerana pengukuhan positif itu bukan dibagi secara segera.

Oleh itu, saya mengubah sedikit perancangan saya. Saya memberi ganjaran dan dendaan kepada murid secara segera. Namun, sistem pemberian markah secara berkumpulan masih dikekalkan. Saya juga memberi pengukuhan positif seperti kata-kata pujian atau makanan sebaik sahaja murid-murid melakukan sesuatu yang baik. Contohnya, untuk setiap kali waktu tamat Sains, saya akan mengisytiharkan kumpulan yang terbaik pada hari tersebut dan memberikan kata-kata pujian untuk memotivasikan murid-murid. Untuk murid-murid yang bermasalah, saya pula menegur mereka apabila mereka melakukan kesalahan.

Saya berasa penukaran tempat duduk bagi murid-murid yang bising duduk dekat depan juga tidak berguna kerana murid-murid tersebut juga berbuat bising juga. Jadi, saya pun mengkaji cara lain untuk mengawal mereka seperti meletakkan mereka di satu sudut berseorangan dan tidak membenarkan mereka melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti dan melihat sahaja. Dengan cara tersebut, saya mendapati agak berkesan kerana apabila mereka balik semula ke kumpulan, mereka tidak berani membuat bising lagi. Jadi, saya akan cuba cara ini untuk praktikum seterusnya.

Selain itu, saya juga berlatih untuk bersifat asertif pada bila-bila masa walaupun menghadapi masalah kesuntukan masa agar dapat memastikan penguatkuasaan peraturan bilik darjah secara konsisten dan berkesan.

9.0 Kesimpulan

Sekarang saya faham bahawa pengajaran bukan sahaja menyampaikan ilmu. Guru adalah seperti tukang masak dimana masakan sedap bukan sahaja bergantung kepada bahan-bahan masakan tetapi kawalan api dapur, peralatan di dapur, suasana di dapur dan lain-lain. Semua ini saling bergantung.

Dalam lapan minggu ini, saya sentiasa berusaha untuk memajukan kemahiran pengurusan bilik darjah saya. Saya melaksanakan apa sahaja peraturan dan tindakan yang ditetapkan selepas merujuk kepada Model Disiplin Asertif Canter. Dengan adanya usaha saya dan kerjasama yang diberikan oleh murid-murid, saya dapat mengurus bilik darjah dengan lebih baik jika dibandingkan dengan yang dulu. Sebagai bukti, dulu saya sentiasa tidak dapat menghabiskan pengajaran dalam masa dan waktu yang ditetapkan. Hal ini adalah kerana saya sentiasa perlu berhenti pengajaran saya hanya untuk menegur murid-murid atas sebab kebisingan. Tetapi, selepas saya mengamalkan cadangan yang saya rujuk pada Model Disiplin Asertif Canter, saya dapat mengurus masa dan murid-murid saya dengan berkesan dan baik. Oleh itu, saya ada masa yang cukup dan suasana yang kondusif untuk mengajar dan belajar.

10.0 Bibliografi

Regaining Class Control-Classroom Management Strategies, Tips and Techniques, dipetik daripada http://classroomorganization.suite101.com/article.cfm/class_control pada 2 Julai 2010

New Teachers - Great Strategies For Regaining Classroom Control, dipetik daripada <http://ezinearticles.com/?New-Teachers---Great-Strategies-For-Regaining-Classroom-Control&id=2011146> pada 2 Julai 2010

daripada <http://theapple.monster.com/benefits/articles/7611-4-ways-to-regain-class-control?page=2> pada 2 Julai 2010

Ciri-ciri Model Disiplin Asertif Canter, dipetik daripada www.scribd.com/doc/27273994/Disiplin-Asertif-Canter pada 2 Julai 2010

DISIPLIN ASERTIF CANTER, dipetik daripada www.1001portails.com/scribd-com-feeds-rss-f-30059-6695539-disiplin-asertif-canter.html - United States pada 2 Julai 2010

MASALAH

Pada minggu ini, daripada pemerhatian dan penilaian yang saya lakukan, saya dapati murid-murid kurang memahami isi pelajaran yang saya ajari. Ini adalah kerana saya mendapati respon yang agak lambat apabila saya memulakan set induksi sebelum saya beralih ke langkah satu. Pada pengamatan saya, hanya beberapa orang murid sahaja yang memahami pengajaran saya di awal sesi pengajaran.

Selain lambat memahami isi pengajaran, terdapat segelintir murid yang tidak memberi perhatian kepada pengajaran saya sejak bermulanya proses pengajaran sehingga ia berakhir. Keadaan ini agak menyedihkan, namun saya atasinya dengan cara yang paling sesuai untuk saya menarik kembali murid-murid tersebut ke dalam pengajaran saya.

Sharifah Md Nor (2000) telah menterjemahkan kata-kata Gracey (1972). Gracey telah membahagikan guru kepada dua kategori iaitu guru produksi (production) dan guru kraf (craftman).

” Guru jenis produksilah yang lumrah terdapat di sekolah kita kini. Guru produksi boleh dikenali sebagai pekerja utama yang melahirkan produk (pelajar) yang perlu menguasai mata pelajaran yang ditentukan, dengan meluahkan kembali fakta-fakta yang telah ditetapkan, pelajar tidak perlu ’ bekerja ’, mereka hanya menerima secara pasif apa yang diajar. ”

Saya sangat tidak berpuas hati dengan keadaan ini, saya telah menggunakan pendekatan bermain walaupun ia tidak terdapat di dalam perancangan harian saya pada hari ini. Ternyata, cara ini berkesan. Mereka tertarik dengan pengajaran saya.

Howard Gardner (1943), seorang pensyarah kecerdasan di Universiti Havard, Amerika Syarikat, berpendapat bahawa setiap orang dikurniakan potensi yang berbeza dalam fitrahnya. Potensi yang dirujuk boleh diukur

dengan darjah kecerdasan. Mengikut Gardner (1991), potensi manusia mempunyai tujuh kecerdasan dalam dirinya, iaitu : muzik, ruang, linguistik, logikal-matematikal, tubuh kinestetik, interpersonal (sosial), dan intrapersonal (kendiri).

ANALISIS MASALAH

Saya cuba mengenalpasti punca-punca masalah murid-murid yang tidak memberi perhatian kepada pengajaran saya . Pelbagai persoalan yang timbul di dalam fikiran saya iaitu :

- Adakah murid-murid ini menganggap saya seorang guru yang lemah ?
- Apakah yang menyebabkan murid-murid ini tidak memberi perhatian semasa pengajaran saya ?
- Bagaimanakah saya mengatasi masalah-masalah ini ?
- Mengapakah semua ini berlaku di dalam pengajaran saya ?
- Apakah bentuk ganjaran yang sesuai untuk saya kekalkan murid-murid ini di dalam pengajaran saya ?
- Adakah saya perlu memperbaiki corak pengajaran saya untuk mengatasi semua masalah ini ?

Daripada tinjauan dan pemerhatian saya melalui segala persoalan yang berlegar di fikiran saya, beberapa dapatan telah saya senaraikan :

- Murid-murid cepat memahami pelajaran, tetapi cepat bosan kerana mereka telah mengetahui pengajaran yang diajar dan cara yang digunakan sama. Tumpuan mereka menjadi kurang.
- Murid-murid di kelas ini terdapat pelbagai kecerdasan yang perlu dicungkil
- Kelas ini mempunyai pelbagai aras kemahiran, latar belakang dan kemahiran murid serta pengetahuan sedia ada yang berbeza.
- Guru menggunakan teknik pengajaran yang sama.
- Murid-murid tidak berminat dengan subjek Pendidikan Islam.

Apabila meneliti segala permasalahan yang wujud di kelas ini, diagnosis perlu dijalankan ke atas diri setiap murid untuk mengetahui tahap kebolehan dan kecenderungan dalam diri setiap murid.

CADANGAN

Untuk membantu murid-murid yang kurang berminat untuk belajar :

- Memperbanyak aktiviti yang melibatkan semua murid
- Sentiasa menyebut nama murid tersebut supaya mereka rasa dihargai
- Sentiasa menyebut nama murid tersebut supaya mereka rasa mereka sedang diperhati
- Menggunakan alat bantu mengajar yang dapat menarik minat murid
- Mengenalpasti kecenderungan setiap murid sama ada cenderung ke arah muzik, ruang, linguistik dan sebagainya.
- Guru perlu mempelbagaikan aktiviti supaya murid akan berasa gembira semasa sesi pengajaran itu berjalan.

Dalam situasi seperti di atas, saya sebagai seorang guru perlu mengambil beberapa tindakan yang sewajarnya iaitu :

- Memberi lebih sokongan kepada murid yang pemalu dan pasif. Murid-murid ini perlu diberi peluang untuk menjawab soalan atau sebagainya kerana tidak semestinya mereka pasif, mereka tidak pandai

- Kemahiran asertif seorang guru itu sendiri. Suara yang lantang, tenang tetapi tegas sangat perlu untuk mengawal keseluruhan kelas dan bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran
- Sentiasa menarik perhatian murid dengan aksi yang boleh memahamkan murid tentang isi pelajaran yang diajar
- Tidak sesekali menurunkan motivasi murid untuk belajar seperti menyisihkan murid yang lemah dan menumpukan kepada murid yang pandai sahaja.

TEMPOH PENYELESAIAN

21 Mac 2011 – 01 April 2011 (2 Minggu)

TINDAKAN SUSULAN

Berdasarkan semua masalah yang telah saya timbulkan di atas jelas menunjukkan bahawa murid-murid yang telah diamanahkan untuk saya ini adalah murid-murid yang istimewa dan sangat memerlukan bimbingan yang khusus.

Seorang guru yang asertif adalah seorang guru yang sangat diperlukan oleh murid untuk membantu mereka mengatasi masalah yang mereka alami. Mereka akan

berasa lebih gembira dan motivasi untuk belajar akan terus meningkat dengan lebih mendadak.

Apabila masalah di atas difikirkan dan diamati sedalam-dalamnya, ada pelbagai inisiatif yang dapat dijalankan untuk membantu murid-murid ini. Antaranya ialah, guru mengadakan sesi soal jawab secara rawak yang berkaitan pelajaran yang diajar. Ini secara tidak langsung, dengan cara ini, guru dapat menyedarkan murid-murid yang tidak mahu memberi perhatian semasa sesi pengajaran dan dapat menguji ingatan murid. Kepandaian murid sememangnya menjadi kebanggaan bagi seorang guru, namun perhatian daripada murid adalah satu kepuasan bagi seorang guru.

Guru juga perlu membuat rekod khusus untuk mengetahui kecenderungan setiap murid yang diajar. Kebolehan dan kecenderungan setiap murid adalah berbeza. Impaknya, guru suka mengajar dan murid suka belajar.

KESIMPULAN

Di dalam Teori Kecerdasan, Gardner (1983) berpendapat bahawa setiap insan mewarisi tujuh jenis kecerdasan yang berlainan. Di peringkat sekolah, tumpuan

hanya diberi untuk menguji kecerdasan kognitif seperti kecerdasan linguistik, kecerdasan logikal – matematik dan kecerdasan ruang sahaja. Penilaian bukan kognitif seperti penilaian kecerdasan muzik, tubuh kinestetik, interpersonal atau intrapersonal jarang diadakan. Sehubungan ini, kecerdasan murid dalam bidang muzik, kinestetik, interpersonal pula harus diberi perhatian untuk perkembangannya.

MASALAH

Pada minggu ini, daripada pemerhatian dan penilaian yang saya lakukan, saya dapati murid-murid kurang memahami isi pelajaran yang saya ajari. Ini adalah kerana saya mendapati respon yang agak lambat apabila saya memulakan set induksi sebelum saya beralih ke langkah satu. Pada pengamatan saya, hanya beberapa orang murid sahaja yang memahami pengajaran saya di awal sesi pengajaran.

Selain lambat memahami isi pengajaran, terdapat segelintir murid yang tidak memberi perhatian kepada pengajaran saya sejak bermulanya proses pengajaran sehingga ia berakhir. Keadaan ini agak menyedihkan, namun saya atasinya dengan cara yang paling sesuai untuk

saya menarik kembali murid-murid tersebut ke dalam pengajaran saya.

Sharifah Md Nor (2000) telah menterjemahkan kata-kata Gracey (1972). Gracey telah membahagikan guru kepada dua kategori iaitu guru produksi (production) dan guru kraf (craftman).

” Guru jenis produksilah yang lumrah terdapat di sekolah kita kini. Guru produksi boleh dikenali sebagai pekerja utama yang melahirkan produk (pelajar) yang perlu menguasai mata pelajaran yang ditentukan, dengan meluahkan kembali fakta-fakta yang telah ditetapkan, pelajar tidak perlu ’ bekerja ’, mereka hanya menerima secara pasif apa yang diajar. ”

Saya sangat tidak berpuas hati dengan keadaan ini, saya telah menggunakan pendekatan bermain walaupun ia tidak terdapat di dalam perancangan harian saya pada hari ini. Ternyata, cara ini berkesan. Mereka tertarik dengan pengajaran saya.

Howard Gardner (1943), seorang pensyarah kecerdasan di Universiti Havard, Amerika Syarikat, berpendapat bahawa setiap orang dikurniakan potensi yang berbeza dalam fitrahnya. Potensi yang dirujuk boleh diukur dengan darjah kecerdasan. Mengikut Gardner (1991), potensi manusia mempunyai tujuh kecerdasan dalam dirinya, iaitu : muzik, ruang, linguistik, logikal-matematikal, tubuh kinestetik, interpersonal (sosial), dan intrapersonal (kendiri).

ANALISIS MASALAH

Saya cuba mengenalpasti punca-punca masalah murid-murid yang tidak memberi perhatian kepada pengajaran saya . Pelbagai persoalan yang timbul di dalam fikiran saya iaitu :

- Adakah murid-murid ini menganggap saya seorang guru yang lemah ?
- Apakah yang menyebabkan murid-murid ini tidak memberi perhatian semasa pengajaran saya ?
- Bagaimanakah saya mengatasi masalah-masalah ini ?
- Mengapakah semua ini berlaku di dalam pengajaran saya ?
- Apakah bentuk ganjaran yang sesuai untuk saya kekalkan murid-murid ini di dalam pengajaran saya ?

- Adakah saya perlu memperbaiki corak pengajaran saya untuk mengatasi semua masalah ini ?

Daripada tinjauan dan pemerhatian saya melalui segala persoalan yang berlegar di fikiran saya, beberapa dapatan telah saya senaraikan :

- Murid-murid cepat memahami pelajaran, tetapi cepat bosan kerana mereka telah mengetahui pengajaran yang diajar dan cara yang digunakan sama. Tumpuan mereka menjadi kurang.
- Murid-murid di kelas ini terdapat pelbagai kecerdasan yang perlu dicungkil
- Kelas ini mempunyai pelbagai aras kemahiran, latar belakang dan kemahiran murid serta pengetahuan sedia ada yang berbeza.
- Guru menggunakan teknik pengajaran yang sama.
- Murid-murid tidak berminat dengan subjek Pendidikan Islam.

Apabila meneliti segala permasalahan yang wujud di kelas ini, diagnosis perlu dijalankan ke atas diri setiap murid untuk mengetahui tahap kebolehan dan kecenderungan dalam diri setiap murid.

CADANGAN

Untuk membantu murid-murid yang kurang berminat untuk belajar :

- Memperbanyakkan aktiviti yang melibatkan semua murid
- Sentiasa menyebut nama murid tersebut supaya mereka rasa dihargai
- Sentiasa menyebut nama murid tersebut supaya mereka rasa mereka sedang diperhatikan
- Menggunakan alat bantu mengajar yang dapat menarik minat murid
- Mengenalpasti kecenderungan setiap murid sama ada cenderung ke arah muzik, ruang, linguistik dan sebagainya.
- Guru perlu mempelbagaikan aktiviti supaya murid akan berasa gembira semasa sesi pengajaran itu berjalan.

Dalam situasi seperti di atas, saya sebagai seorang guru perlu mengambil beberapa tindakan yang sewajarnya iaitu :

- Memberi lebih sokongan kepada murid yang pemalu dan pasif. Murid-murid ini perlu diberi peluang untuk

menjawab soalan atau sebagainya kerana tidak semestinya mereka pasif, mereka tidak pandai

- Kemahiran asertif seorang guru itu sendiri. Suara yang lantang, tenang tetapi tegas sangat perlu untuk mengawal keseluruhan kelas dan bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran
- Sentiasa menarik perhatian murid dengan aksi yang boleh memahamkan murid tentang isi pelajaran yang diajar
- Tidak sesekali munurunkan motivasi murid untuk belajar seperti menyisihkan murid yang lemah dan menumpukan kepada murid yang pandai sahaja.

TEMPOH PENYELESAIAN

21 Mac 2011 – 01 April 2011 (2 Minggu)

TINDAKAN SUSULAN

Berdasarkan semua masalah yang telah saya timbulkan di atas jelas menunjukkan bahawa murid-murid yang telah diamanahkan untuk saya ini adalah murid-murid yang istimewa dan sangat memerlukan bimbingan yang khusus.

Seorang guru yang asertif adalah seorang guru yang sangat diperlukan oleh murid untuk membantu mereka mengatasi masalah yang mereka alami. Mereka akan merasa lebih gembira dan motivasi untuk belajar akan terus meningkat dengan lebih mendadak.

Apabila masalah di atas difikirkan dan diamati sedalam-dalamnya, ada pelbagai inisiatif yang dapat dijalankan untuk membantu murid-murid ini. Antaranya ialah, guru mengadakan sesi soal jawab secara rawak yang berkaitan pelajaran yang diajar. Ini secara tidak langsung, dengan cara ini, guru dapat menyedarkan murid-murid yang tidak mahu memberi perhatian semasa sesi pengajaran dan dapat menguji ingatan murid. Kepandaian murid sememangnya menjadi kebanggaan bagi seorang guru, namun perhatian daripada murid adalah satu kepuasan bagi seorang guru.

Guru juga perlu membuat rekod khusus untuk mengetahui kecenderungan setiap murid yang diajar. Kebolehan dan kecenderungan setiap murid adalah berbeza. Impaknya, guru suka mengajar dan murid suka belajar.

KESIMPULAN

Di dalam Teori Kecerdasan, Gardner (1983) berpendapat bahawa setiap insan mewarisi tujuh jenis kecerdasan yang berlainan. Di peringkat sekolah, tumpuan hanya diberi untuk menguji kecerdasan kognitif seperti kecerdasan linguistik, kecerdasan logikal – matematik dan kecerdasan ruang sahaja. Penilaian bukan kognitif seperti penilaian kecerdasan muzik, tubuh kinestetik, interpersonal atau intrapersonal jarang diadakan. Sehubungan ini, kecerdasan murid dalam bidang muzik, kinestetik, interpersonal pula harus diberi perhatian untuk perkembangannya.